



مجلس دایره قاسیر قوتیه

## NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS MAKANAN SEPANJANG BULAN RAMADAN 1441H

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah memutuskan untuk tidak mengadakan Bazar Ramadan bagi tahun 1441H selaras dengan keputusan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengawal penularan wabak Covid-19. Sebagai alternatif, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperkenalkan E-Ramadan bagi menggantikan Bazar Ramadan bersempena dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa sekarang.

Mesyuarat Penyelarasan E-Ramadan Kelantan 1441H Bil.02/2020 yang bersidang pada 26 Syaaban 1441 bersamaan 20 April 2020 telah bersetuju untuk membenarkan **kedai makan, restoran dan restoran makanan segera** beroperasi. Kelulusan ini adalah untuk premis yang **sudah dilesenkan** dan terhad untuk makanan dan minuman siap bungkus sahaja. Sebarang operasi perniagaan berbentuk Bazar Ramadan, penjajaan, khemah, berpayung dan lain-lain premis makanan yang tidak dinyatakan adalah **tidak dibenarkan**.

Peniaga dan pembeli dikehendaki mematuhi semua arahan termasuk mengambil langkah-langkah proses pembersihan diri seperti memakai penutup muka (Mask), penyediaan bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) serta penjarakkan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.

Waktu operasi premis-premis makanan yang tersebut di atas adalah bermula daripada jam **3.00 petang sehingga 6.30 petang sahaja** setiap hari. Majlis Daerah Pasir Puteh berhak untuk membatalkan kebenaran ini sekiranya didapati berlaku pelanggaran mana-mana syarat yang telah ditetapkan.

Dengan Perintah

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH**

Tarikh : 28 Syaaban 1441 bersamaan 22 April 2020